



## MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KENYATAAN SEBUTHARGA 'B'

1. Dokumen sebutharga boleh diperolehi di Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) semasa waktu pejabat. Dokumen tawaran mula dijual pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di lampiran 1 dan tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. Sila lawati laman web di <http://www.mppd.gov.my> untuk iklan sebutharga ini.
2. Pembekal-pembekal hendaklah membawa sijil asal serta salinan sijil yang masih sah/belum tamat tempoh ketika membuat pembelian dokumen sebutharga;
  - i) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
  - ii) **Sijil Asal Kementerian Kewangan Malaysia**
  - iii) **Sijil Pendaftaran MPPD**

Hanya penama yang terdapat di dalam sijil KKM dibenarkan membeli dokumen sebutharga dan wakil tidak dibenarkan.
3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran pembekal boleh dibuat di Bahagian Kejuruteraan, MPPD dan pembayaran pendaftaran adalah sebanyak RM53.00 bagi tempoh 2 tahun.
4. Borang sebutharga hendaklah diisi menggunakan **pen dakwat cair hitam**.
5. Borang sebutharga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Jabatan Teknologi Maklumat, MPPD**. Nombor sebutharga dan juga tajuk bekalan hendaklah ditulis disebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran. Borang sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di Lampiran 1.
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper)**.
7. MPPD berhak menolak permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat
8. Pembekal hendaklah memberikan bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebutharga.
9. Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebutharga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.

LAMPIRAN 1

No. Sebutarga & Harga Dokumen	Tajuk Bekalan	Kod Bidang	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebutarga Ditutup
MPPDSH/35/2018	SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG KOMPUTER, KOMPUTER RIBA DAN PERALATAN ICT DI MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	210100/ 210101/ 210102/ 210103	Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Port Dickson  Tarikh: 24 MEI 2018  Hingga 7 JUN 2018	Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Port Dickson  Tarikh: 7 JUN 2018  Jam 12.00 t/hari